



# RISDA

## PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **210102, 210103 dan 210104** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut:-

NO. TENDER	TAJUK BEKALAN	LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN	TEMPOH JUALAN DOKUMEN	TARIKH / WAKTU TUTUP / PEJABAT YANG MENGELUARKAN TENDER
7.0-03/ 2013	<b>MEMBEKAL PERKAKASAN DAN PERKHIDMATAN BAGI MEMPROSES DATA BANCI, MEMBANGUN PANGKALAN DATA PEKEBUN KECIL DAN MENJANA LAPORAN STATISTIK UNTUK BANCI PEKEBUN KECIL GETAH DAN SAWIT RISDA 2013</b>	<b>17.04.2013 (Rabu) KEHADIRAN DIWAJIBKAN</b> <b>Pendaftaran :</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Wajib</b> membawa Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan yang mempunyai Kod Bidang 210102, 210103 &amp; 210104 yang masih sah tempoh laku dan satu (1) salinan fotostat.</li><li>• <b>Waktu : 9.00 - 10.30 pagi</b></li></ul> Pembekal yang lewat tidak akan dibenarkan menyertai tender <b>Waktu Taklimat : 10.30 pagi</b> <b>Tempat :</b> Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.	<b>RM 100.00</b>	Mulai pada <b>18.04.2013</b> (Khamis)  sehingga <b>07.05.2013</b> (Selasa)	<b>09.05.2013</b> (Khamis)  <b>Jam: 12.00 tengah hari</b>  Urusetia: Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "**KETUA PENGARAH RISDA**". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

**Isnin hingga Khamis : Dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan  
Dari jam 2.30 petang hingga 3.30 petang**

**Jumaat : Dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan  
Dari jam 3.00 petang hingga 3.30 petang**

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskhah** dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor/wakil kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA (2) salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan.

Dokumen-dokumen **tawaran tender teknikal** dan **tawaran tender kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan**. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Urusetia Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur pada atau tidak lewat daripada **09/05/2013 (Khamis)** sebelum jam 12.00 tengah hari.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.